

ABSTRACT

Bahasa Arab adalah salah satu daripada tiga bahasa utama di dunia yang memainkan peranan penting dalam sejarah dan peradaban manusia. Justeru, kajian inidijalankan adalah bertujuan untuk melihat hubungan antara sikap murid dan pengajaran guru dengan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan murid-murid. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian lapangan telah dijalankan terhadap 200 orang pelajar di Sekolah Rendah di Sabah. Instrumen yang dijalankan adalah menggunakan borang soal selidik dan set ujian bertulis. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences). Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan analisis korelasi Pearson. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar ($r=0.210$, $p<0.05$) dan pengajaran guru ($r=0.229$, $p<0.05$) dengan penguasaan Bahasa Arab. Selain itu, analisis deskriptif menunjukkan bahawa skor min bagi variabel sikap pelajar adalah pada tahap sederhana (3.37) dan begitu juga persepsi pelajar bagi pengajaran guru (3.56). Diharapkan kajian ini akan dapat memberikan maklumat berguna untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah.